

21/06/2003

Sokong Pak Lah berlandaskan Umno

SOKONGAN kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden dan Perdana Menteri nanti perlu berdasarkan matlamat menentukan kesinambungan nafas dan nadi Umno serta bangsa Melayu dan bukan menyokongnya atas sifat peribadi.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali, berkata sokongan bukan diberikan kerana namanya Abdullah, sebaliknya perlu berdasarkan hasrat memastikan Umno terus menjadi tunjang kepada bangsa Melayu dan negara.

Bagi menjelaskan lagi maksud beliau, Tajol Rosli membacakan dua rangkap pantun berbunyi:

Jangan dihirau umpan dan  
keji  
Jangan termakan sanjung  
dan puji  
Perahu dilayar jaga kemudi  
Tempat dituju sampaikan  
pasti  
Takkan usang rumah pusaka  
Selagi ditunggu penghuni  
setia  
Takkan hilang maruah  
bangsa  
Sekalipun kita bertukar  
nakhoda

Ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden, Tajol Rosli berkata, pengganti yang disediakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu perlu disokong dengan apa cara sekalipun.

"Perlu diingat proses peralihan ini sedang diperhatikan dari jauh dan dekat oleh pelbagai golongan, terutama mereka yang berhajat sangat hendak membina mahligai di atas pusara Umno.

"Turut mengidamkan kemusnahan Umno ialah golongan yang tidak senang melihat bangsa, agama dan negara kita terus menerus menempah kejayaan dan memartabatkan maruah kita di persada antarabangsa.

"Tidak kurang juga minat mereka untuk melihat Umno dan orang Melayu hancur walaupun mereka ini terdiri dari bangsa dan agama yang sama dengan kita," katanya

Tajol Rosli berkata, Dr Mahathir mengorbankan 7,643 hari sepanjang hayatnya untuk menghasilkan apa yang rakyat Malaysia dapat lihat dan nikmati pada hari ini.

Sepanjang tempoh itu, Perdana Menteri mengharungi pelbagai masalah dan rintangan, sesetengahnya di luar jangkaan akal orang biasa untuk

meramalkan kemungkinannya dan juga cara paling berkesan mengatasinya.

"Dr Mahathir membuat keputusan untuk bersara setelah penuh yakin bahawa

kita sudah diletakkan atas landasan yang betul serta kukuh dan amat yakin

bahawa barisan pengganti yang disediakan selama ini sudah cukup bersedia dan berupaya meneruskan perjuangan yang belum selesai.

"Kita wajib menyambut keyakinan Presiden Umno dengan dua keyakinan - pertama, yakin boleh meneruskan perjuangan yang diasaskan Dr Mahathir dan

kedua, yakin untuk meyakinkan Presiden kita bahawa beliau membuat satu keputusan tepat dan betul," katanya.